



FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF

Pemeliharaan Homestay Di Daerah Padawan Dalam Menyumbang Kepada Sektor Eko-Pelancongan Negeri Sarawak

Christina Yong Sze Mei

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan seni)
2014

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Latar Belakang Kajian

Kaum Bidayuh merupakan suku kaum yang mendiami kawasan barat daya Sarawak. Kawasan barat daya tersebut ialah terdiri daripada bahagian Serian, Kuching dan Kalimantan. Suku kaum Bidayuh juga mempunyai banyak kumpulan dan sub kumpulan seperti Bukar-Sadong di daerah Serian, Bau-Jagoi di daerah Bau serta Salako-Lara di daerah Lundu. Kebanyakan masyarakat kaum Bidayuh di Sarawak menganuti agama Kristian. Terdapat juga masyarakat Bidayuh yang menganuti agama Islam melalui proses perkahwinan campur antara kaum Melayu dan kaum Bidayuh. Populasi bagi suku kaum Bidayuh ialah sebanyak 8.5 peratus daripada jumlah penduduk dan merupakan golongan etnik minoriti di Sarawak. Pada tahun 1998 lebih kurang 167,000 kaum Bidayuh terdapat di Sarawak.

Penempatan suku kaum Bidayuh adalah tidak jauh bezanya daripada penempatan suku kaum Iban kerana kaum Bidayuh juga menetap di rumah panjang. Rumah panjang tersebut diperbuat dengan menggunakan buluh. Pada masa dahulu, penempatan suku kaum bidayuh terletak jauh di kawasan pedalaman dan ia dibina di atas tanah tinggi bagi beberapa tujuan tertentu iaitu untuk keselamatan.. Pekerjaan yang diusahakan oleh kaum Bidayuh ialah berasaskan aktiviti sara diri seperti bercucuk tanam dan menternak binatang. Aktiviti bercucuk tanam yang diusahakan ialah menanam padi huma.

Suku kaum Bidayuh juga mempunyai bahasa yang agak unik dan lain daripada suku kaum yang lain. Keunikan bahasa tersebut adalah berdasarkan dari sebutan, pengucapan atau pertuturan serta gaya intonasi. Lazimnya, bahasa Bidayuh akan berubah intonasi dan bahasa mengikut kampung dan daerah tertentu. Hal demikian menyebabkan suku kaum ini sukar untuk berkomunikasi dengan satu sama lain sekiranya mereka datang dari suku atau dari daerah yang berlainan.

1.1 PEMELIHARAAN

Maksud kata ‘memelihara’ ialah membela, menjaga, merawat, melindungi. pelihara; memelihara ,menjaga dengan baik, membela, merawat. Dalam penyelidikan yang bakal dilakukan oleh penyelidik ialah penyelidik akan menyatakan tentang langkah-langkah dan pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam memelihara *homestay* yang terdapat di sekitar kawasan Padawan iaitu terdiri daripada 3 buah *homestay*. *Homestay* tersebut terdiri daripada:

1. *Homestay* Kampung Annah Rais
2. Benuk *Homestay* Centre
3. *Homestay* Darul Islam Belimbing

1.2 HOMESTAY

Homestay adalah satu bentuk pengalaman di mana pelancong tinggal bersama keluarga tuan rumah pengusaha *homestay* yang telah berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Para pelancong berpeluang untuk berinteraksi serta mengalami gaya hidup seharian masyarakat kampung dan kebudayaan mereka.

(Sumber : Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Sarawak)

Rumah penginapan atau kini lebih dikenali sebagai *homestay* adalah merupakan salah satu tarikan yang begitu popular sekali di negara kita. Keindahan alam semulajadi yang menjadikan suasana *homestay* menjadi pilihan untuk kegiatan pelancongan terutamanya dalam kalangan masyarakat tempatan mahupun pelancong asing. Selain daripada itu, keunikan seni bina *homestay* yang begitu unik sekali memukau pandangan setiap pengunjung yang datang. Kita sedia maklum bahawa seni bina *homestay* suku kaum Bidayuh kebanyakannya dibina dengan menggunakan tumbuhan semulajadi seperti buluh, rotan, kayu dan sebagainya.

Terdapat banyak *homestay* yang boleh dikunjungi di seluruh Malaysia. *Homestay* merupakan salah satu warisan budaya yang masih dikekalkan sehingga kini. *Homestay* mempamerkan cara hidup masyarakat Dayak iaitu terdiri daripada suku kaum Bidayuh, Iban dan sebagainya. *Homestay* yang diusahakan oleh suku kaum tertentu mengaplikasikan

beberapa keunikan daripada seni bina rumah, suasana atau persekitaran yang dikelilingi tumbuhan hijau, dihiasi dengan hiasan tradisional dan sebagainya.

Homestay kini merupakan isu semasa yang sering diperkatakan. Kewujudannya sedikit sebanyak telah menyumbang kepada sektor pelancongan. Ia juga telah memudahkan para pelancong untuk mendapatkan tempat penginapan yang bukan sahaja bertujuan untuk merehatkan diri, malah juga dapat memberikan pengalaman yang menyeronokan dengan pelbagai aktiviti yang dijalankan di *homestay* tersebut.

Dalam kajian yang ingin dikaji oleh penyelidik ini adalah lebih tertumpu pada *homestay* yang terdapat di daerah Padawan. Padawan asalnya sebuah kawasan perkampungan yang menempatkan beberapa buah kampung suku Kaum Bidayuh dan beberapa buah kampung campuran Bidayuh dan Melayu seperti Kampung Belimbing Islam. Hal demikian ekoran daripada kedudukan geografinya yang unik.

1.3 PELANCONGAN

Pelancongan merupakan aktiviti yang tidak asing lagi yang sering dilakukan oleh manusia. Pelancongan boleh diertikan sebagai aktiviti mengembara dalam suatu jangka masa yang singkat ke kawasan lain, luar dan mahupun dalam negara. Definisi bagi pelancongan yang amat jelas sekali ertinya boleh didapati pada Pelancongan Masyarakat British (*British Tourism Society*) pada tahun 1979 yang menerima pakai definisi berdasarkan kerja Burkart dan Medlik (1974), pelancongan disifatkan sebagai sebarang bentuk aktiviti yang berkaitan dengan pergerakan jangka masa pendek atau sementara orang ke destinasi di luar daripada tempat-tempat di mana mereka biasanya tinggal dan bekerja, dan aktiviti-aktiviti mereka sepanjang penginapan. Aktiviti pelancongan jika dahulunya hanya mampu dilakukan oleh golongan yang berada, namun kini ia dilihat semakin mendapat sambutan malah telah menjadi sebahagian daripada cara hidup manusia.

Menurut Vanhove dalam buku penulिसannya yang bertajuk '*The Economics Of Tourism Destinations*' (2005), pelancongan dibahagikan kepada beberapa jenis iaitu pelancongan domestik. Pelancongan domestik ialah merupakan aktiviti pelancongan yang dilakukan oleh penduduk asal melawat ke sesebuah tempat pelancongan yang masih berada di dalam negeri mereka sendiri. Selain itu, jenis yang kedua ialah pelancongan

masuk. Jenis pelancongan masuk ialah penduduk luar negara yang datang melawat ke dalam negara.

Menurut Mathieson dan Wall (1991), kajian pelancongan ialah kajian tentang manusia yang berada jauh dari tempat kediaman biasanya, mengenai perusahaan yang berkembang hasil daripada usaha untuk memenuhi keperluan pelancong itu, dan mengenai kesannya terhadap keadaan ekonomi, fizikal dan kebajikan masyarakat tuan rumah. Hal ini menjelaskan bahawa pelancongan mempunyai kesan terhadap perkembangan ekonomi negara.

Apabila berlakunya aktiviti pelancongan dari negara lain ke negara yang lain, maka disitu dapatlah kita lihat pertukaran wang asing akan berlaku. Proses pertukaran wang asing di negara kita merupakan satu aspek yang penting dalam menyumbang kepada ekonomi negara kita terutamanya dalam sektor perlancongan. Oleh yang sedemikian kita dapat melihat tempat-tempat yang menarik di negara kita telah dijadikan sebagai tempat tarikan pelancongan. Rumah penginapan, hotel-hotel serta *homestay* turut semakin banyak disediakan bagi menyokong sektor pelancongan di negara kita.

1.4 EKO-PELANCONGAN

Menurut TIES (1990), eko-pelancongan didefinisikan sebagai orang yang merasa bertanggungjawab terhadap kawasan semula jadi, yang memulihara alam sekitar dan meningkatkan kesejahteraan orang tempatan.

1.5 Objektif Kajian, Permasalahan Kajian, Persoalan Kajian

PERMASALAHAN KAJIAN	PERSOALAN KAJIAN	OBJEKTIF KAJIAN
<p>1. Mengkaji masalah yang dihadapi oleh pengusaha <i>homestay</i> di daerah Padawan dalam mengekalkan <i>homestay</i> mereka</p>	<p>1. Bagaimanakah pemilik atau pengusaha <i>homestay</i> dalam menjalankan kerja-kerja pemeliharaan <i>homestay</i> masing-masing.</p>	<p>1. Menganalisa maklumat berkenaan usaha yang dilakukan oleh pemilik atau pengusaha <i>homestay</i> dalam menjalankan kerja-kerja pemeliharaan <i>homestay</i> masing-masing.</p>
<p>2. Selain daripada itu, penyelidik juga ingin melihat faktor yang mempengaruhi kedatangan pengunjung tempatan atau pelancong dari luar negara.</p>	<p>2. Apakah yang mempengaruhi pengunjung yang datang?</p>	<p>2. Mengenalpasti faktor dan jumlah pengunjung tempatan dan pelancong asing.</p>
<p>3. Mengkaji sumbangan <i>homestay</i> terhadap sektor eko-pelancongan Sarawak.</p>	<p>3. Apakah impak <i>homestay</i> terhadap sektor eko-pelancongan Negeri Sarawak?</p>	<p>3. Mengkaji impak <i>homestay</i> terhadap sektor eko-pelancongan Negeri Sarawak.</p>

1.6 HIPOTESIS

Dalam penyelidikan yang dijalankan ini, pengkaji telah membuat dan menilai beberapa andaian bagi menjawab persoalan-persoalan kajian. Penyelidik menjangkakan perusahaan *homestay* di daerah Padawan sememangnya memberikan impak positif terhadap sektor eko-pelancongan di Negeri Sarawak. Dalam masa yang sama, ia juga mampu membantu masyarakat dalam menaikkan taraf hidup mereka. Penyelidik mendapati bahawa kewujudan *homestay* ini tidak mendapat sambutan atau kerjasama daripada komuniti di kawasan desa, iaitu penduduk kampung tempat *homestay* tersebut diusahakan. Selain itu, sesetengah *homestay* mempunyai pengunjung yang sedikit adalah disebabkan beberapa faktor-faktor tertentu.

1. Kurangnya pemahaman dalam memelihara mungkin menjadi salah satu faktor yang menyebabkannya.
2. Kurangnya kerjasama daripada pihak-pihak tertentu dan persepsi masyarakat terhadap kewujudan *homestay*.
3. Kunjungan pelancong yang ramai mengikut musim tertentu contohnya sambutan Hari Gawai, *Raft Safari*, *Padawan Fest* dan sebagainya.
4. Kurangnya pendedahan terhadap aktiviti *homestay*.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan oleh penyelidik adalah untuk mengenalpasti langkah-langkah dalam memelihara kewujudan *homestay* yang terdapat di negeri Sarawak. Fokus kajian yang dijalankan ini lebih tertumpu di Daerah Padawan di tiga buah *homestay*. Kajian ini sangat penting bagi penyelidik kerana *homestay* suku kaum Bidayuh kini semakin berkurangan malah yang sedia ada tidak begitu mendapat sambutan terutamanya jika tiada musim perayaan dan sebagainya.

Warisan budaya kaum tidak seharusnya dilupakan kerana warisan tersebut merupakan lambang identiti masyarakat suku kaum Bidayuh. *Homestay* yang mempamerkan corak budaya dan warisan kaum Bidayuh di daerah Padawan mempunyai tarikan serta keunikan yang tersendiri. Ia merupakan satu kerugian terutamanya bagi sektor eko-pelancongan sekiranya terus tidak dipelihara.

1.8 SKOP KAJIAN

Penyelidikan yang dijalankan ini secara umumnya dilakukan di daerah Padawan. Skop kajian ini melibatkan semua golongan masyarakat yang terdiri daripada masyarakat kaum Bidayuh Biatah tidak kira tua ataupun muda. Skop kajian ini juga turut melibatkan persatuan atau kementerian-kementerian yang bertanggungjawab dalam hal-hal yang berkaitan dengan pengekalan *homestay* serta eko-pelancongan Negeri Sarawak. Sasaran responden adalah golongan pelancong-pelancong asing dan tempatan

Selain daripada itu, penyelidik juga ingin menasarkankan golongan pelancong-pelancong asing kerana golongan ini juga menjadi pengunjung yang kerap mengunjungi tempat peranginan di Padawan. Aktiviti pelancongan amat aktif terutamanya bila berlangsungnya Padawan Raft Safari, Padawan Bike and Ride, Padawan Fest dan sebagainya. Selain daripada itu, rumah-rumah penginapan di kampung Benuk, Annah Rais, Belimbing Islam serta *homestay* yang lain, Taman Orkid Liar dan Periuk Kera, Pusat pemulihan orang utan, pusat peranginan di Borneo Highland dan sebagainya juga merupakan tarikan utama pelancong.

Kajian yang akan dilakukan oleh penyelidik akan lebih memfokuskan kepada aktiviti-aktiviti pemeliharaan yang dijalankan bagi memastikan rumah-rumah penginapan masyarakat Bidayuh terus maju ke hadapan. Kajian ini juga akan melibatkan kementerian pelancongan negeri Sarawak dalam mendapatkan maklumat berkenaan dengan sektor eko-pelancongan melalui kegiatan perusahaan rumah-rumah penginapan yang diusahakan.

1.9 RUMUSAN

Dalam bab ini, penyelidik telah membincangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan kajian iaitu latar belakang kajian yang memberi penekanan kepada pemeliharaan *homestay* dan sumbangan *homestay* terhadap ekonomi pelancongan. Fokus kajian adalah lebih tertumpu di Negeri Sarawak terutamanya di daerah Padawan. Penyelidik juga telah menjelaskan aspek-aspek yang berkaitan seperti definisi pelancongan dan *homestay*, objektif kajian dan kepentingan kajian. Oleh itu, dalam kandungan bab yang seterusnya, penyelidik akan membincangkan mengenai sorotan kajian yang lepas yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan ini

BAB 2

SOROTAN KESUSASTERAAN

2.0 PENGENALAN

Di dalam bab ini penyelidik akan membincangkan tentang kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik yang lepas. Hal ini merupakan salah satu aspek terpenting dalam menjalankan sesuatu kajian. Proses di dalam kajian kesusasteraan ini merupakan proses yang perlu dilakukan oleh penyelidik bagi membantu penyelidik untuk mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai kajian yang ingin dijalankan. Selain daripada itu, ia juga amat penting bagi memastikan kesemua kajian yang dilakukan adalah tepat dan sah dapat maklumatnya.

Berdasarkan kepada kajian sorotan ini, ia dapat memberikan gambaran maklumat yang hampir sama dengan kajian yang hendak dijalankan oleh penyelidik. Kajian-kajian penyelidikan yang lepas atau sorotan kesusasteraan juga dapat membantu kita memahami tentang masalah kajian. Penyelidik akan dapat membina sumber idea berdasarkan pembacaan daripada kajian-kajian lepas. Sepanjang proses tersebut, penyelidik akan dapat memperolehi jawapan bagi mengatasi masalah yang ditimbulkan dalam penyelidikan

Sorotan kesusasteraan merupakan proses untuk menganalisis, mengintesis dan menilai hasil kajian lepas yang telah dilakukan oleh penyelidik-penyelidik yang lain. Proses sorotan juga memerlukan pemahaman yang mendalam bagi memudahkan penyelidik memahami teori yang telah digunakan dalam penyelidikan lepas. Melalui sorotan kesusasteraan ini juga dapat membantu dalam memahami hala tuju kajian yang dijalankan, membuat hipotesis kajian, reka bentuk kajian, dapatan kajian serta perbincangan kajian yang telah dijalankan.

Kajian yang dijalankan oleh penyelidik mempunyai beberapa kajian yang telah dikenalpasti berkaitan dengan pemeliharaan *homestay* di daerah Padawan dalam menyumbang kepada sektor eko-pelancongan Negeri Sarawak. Bagi memastikan perbincangan mengenai kes ini jelas, maka kajian ini akan dibahagikan kepada tiga subtopik utama. Subtopik tersebut adalah tentang pemeliharaan *homestay* di daerah Padawan, kajian tentang sumbangan *homestay* dalam sektor eko-pelancongan dan usaha yang dilakukan oleh Kementerian pelancongan dalam turut serta memelihara *homestay*.

Kesemua kajian ini akan diteliti dengan berdasarkan kajian-kajian yang telah dilakukan di dalam dan luar negara.

2.1 PELANCONGAN TERHADAP IMPAK EKONOMI

Aktiviti pelancongan sememangnya memberikan beberapa kesan positif kepada sektor ekonomi negara kita. Salah satu konsep definisi mengenai pelancongan menurut perintis penyelidikan pelancongan iaitu Hunziker dan Krapf (1942, p.2), pelancongan ditakrifkan sebagai sejumlah hubungan dan fenomena yang terhasil dari perjalanan dan menetap sebagai bukan penduduk tetap sesuatu kawasan, hanya setakat penginapan yang tidak membawa kepada kediaman tetap dan tidak berkaitan dengan mana-mana aktiviti pendapatan tetap atau sementara.

Websters International Dictionaries (1961) pula mentakrifkan pelancongan sebagai 'suatu perjalanan oleh seseorang dan akan pulang ke titik permulaannya; suatu lawatan pusingan yang biasanya mempunyai tujuan perniagaan, bersenang-senang atau mengikuti pelajaran dan selama perjalanan itu berbagai-bagai tempat dilawat atau suatu jadual lawatan biasanya telah dirancang untuk itu'. Pengertian pelancong menurut Oxford English Dictionary (1933) pula ialah 'orang yang membuat lawatan atau lawatan-lawatan; terutamanya orang yang berbuat demikian untuk berekreasi; orang yang pergi untuk hiburan atau kebudayaan, orang yang melawat beberapa buah tempat untuk perkara yang diminatinya, pemandangan atau sebagainya'.

Menurut Mathieson.A dan Wall.G (1982), tidaklah disangsikan lagi bahawa pelancongan mempunyai pengaruh besar terhadap ekonomi kawasan destinasi. Kajian awal yang dilakukan oleh Ogilvie (1933) yang mengemukakan kenyataan awal tentang ekonomi pelancongan tetapi tidak menyediakan kajian terperinci tentang kesan ekonomi secara lengkap seperti yang disebutkan dalam penerbitan akhir-akhir ini. *Homestay* merupakan salah satu daripada aktiviti ekonomi pelancongan yang terdapat di daerah padawan. Destinasi percutian yang menarik yang terdapat di Padawan telah menjadi tarikan utama bagi pelancong yang datang melawat. Sebagai pelengkap kepada aktiviti pelancongan mereka, tempat untuk beristirahat sememangnya keperluan yang amat penting bagi mereka dan pilihan yang tepat sekali adalah dengan memilih *homestay* yang berdekatan.

Homestay suku kaum Bidayuh seperti daerah Padawan iaitu *Homestay* Kampung Annah Rais dan Benuk *Homestay* Centre memiliki rumah-rumah penginapan yang mempunyai bentuk pembinaan yang unik. Kebanyakan rumah-rumah penginapan masih mengamalkan corak rumah tradisional masyarakat Bidayuh Padawan iaitu dengan menggunakan bahan binaan utama iaitu kayu dan buluh. Dapatlah dilihat bahawa berlakunya aktiviti pemeliharaan atau pemuliharaan rumah-rumah tradisional masyarakat Bidayuh yang kini dijadikan sebagai rumah-rumah penginapan bagi pelancong yang datang berkunjung. Waters (1967) menjelaskan bahawa pelancongan menyediakan insentif bagi pemuliharaan dan juga cara-cara ekonomi untuk melaksanakan langkah-langkah tersebut.

Selain daripada melawat tempat-tempat pelancongan seperti Puncak Borneo Height, Annah Rais Hot Spring dan sebagainya, aktiviti tahunan yang diadakan pada setiap tahun iaitu Padawan Raft Safari juga turut menarik minat pelancong untuk menjadikan Padawan sebagai destinasi pelancongan mereka. Tambah Mathieson.A dan Wall.G, hal ini berkait rapat dengan motivasi, sikap, keperluan dan nilai pelancong sangatlah penting dalam proses membuat keputusan. Ini bermaksud para pelancong dipengaruhi oleh pelbagai aspek dalam mempengaruhi mereka dalam membuat sebarang keputusan. Mereka juga bebas dan mempunyai kuasa dalam membuat pilihan terhadap destinasi penginapan yang dikunjungi, bergantung dengan keunikan dan keistimewaan serta keunikan yang terdapat di sesuatu tempat pelancongan.

Jadual di bawah adalah berkenaan dengan jenis-jenis motivasi yang mempengaruhi pelancong melawat ke sesuatu tempat pelancongan. Jadual tersebut didapati dalam buku *Pelancongan Impak Ekonomi Fizikal dan Sosial* oleh Mathieson.A dan Wall.G.

JADUAL 2.1.1 MOTIVASI PELANCONG

KATEGORI MOTIVASI	MOTIVASI
Motivasi jasmani	Menyegarkan tubuh dan fikiran; kerana sebab-sebab kesihatan (iaitu dinasihatkan oleh doktor ataupun dilakukan secara sukarela); untuk turut serta dalam sukan; bersenang-senang, berseronok-seronok, bergembira, romen dan penghiburan, untuk membeli belah.
Motivasi budaya	Kerana ingin tahu tentang negeri, bangsa

dan tempat asing; minat terhadap seni, muzik, seni bina, cerita rakyat; minat terhadap tempat bersejarah (tinggalan, monument, rumah ibadat); mengalami acara antarabangsa dan kebangsaan yang tertentu, misalnya Sukan Olimpik, Oktoberfest.

Motivasi peribadi

Mengunjungi sanak saudara dan sahabat handai; menemui orang baru dan menemui sahabat baru; mencari pengalaman baru dan yang berlainan dalam persekitaran yang berlainan; melepaskan diri daripada persekitaran sosial sendiri yang abadi (yakni hasrat untuk mencari perubahan); perasaan ghairah peribadi untuk pergi melancong; mengunjungi tempat-tempat dan orang kerana sebab-sebab rohaniah (misalnya berziarah ke tempat suci); melancong kerana melancong semata-mata.

Motivasi status dan prestasi

Kerana kegemaran; melanjutkan pelajaran atau mencari ilmu; mencari kontak perniagaan dan cita-cita profesional; persidangan dan mesyuarat; meningkatkan ego dan menurut nafsu; fesyen, yakni 'mengikut aliran zaman'.

Nota : Sesetengah motivasi di atas tidak dapat dibezakan secara empiric daripada kumpulan yang lainnya dan tidak ditunjukkan oleh pelancong. Misalnya memanglah diketahui bahawa pergi melancong itu suatu fesyen dan dilakukan kerana 'nilai kebanggaan diri' yang ditimbulkannya. (Sumber : menurut McIntosh 1977.)


Jadual motivasi ini menunjukkan bahawa pelancong yang terlibat dalam aktiviti pelancongan dipengaruhi oleh beberapa motivasi yang mendorong mereka untuk melancong. Motivasi tersebut adalah termasuklah motivasi jasmani, budaya, peribadi dan motivasi status serta prestasi. Mathieson dan Wall menjelaskan lagi bahawa keputusan untuk pergi melancong itu menimbulkan serangkaian keputusan yang berikutnya, termasuk

pemilihan destinasi, kaedah perjalanan, lama tinggal di sana dan jenis penginapan. Jenis penginapan pada masa kini memberikan peluang kepada pelancong untuk membuat pilihan. Antara tempat penginapan yang ditawarkan adalah hotel-hotel, rumah penginapan, rumah sewa, rumah saudara-mara dan sebagainya.

2.2 SISTEM PELANCONGAN

Sistem pelancongan merupakan salah satu takrif atau luahan yang sering digunakan dalam bidang pelancongan. Namun ia jarang sekali didefinisikan. Dalam buku “*the economics of tourism destinations*” oleh Vanhove.N (2005), pelancongan merupakan suatu fenomena yang agak kompleks. Terdapat pelbagai watak, keinginan serta permintaan yang terpisah secara geografi tetapi pengeluaran dan penggunaannya berlaku di tempat yang sama. Ritchie dan Crouch (2003), pembekal atau pengusaha menyediakan unsur-unsur asas yang seiring dalam membentuk pengalaman pelawat secara keseluruhan. Namun, menurut pengarang juga, terdapat banyak sumber ataupun faktor yang diperlukan oleh pihak pelancongan dan perusahaan hospitaliti. Dalam melihatnya dengan lebih lanjut lagi, jadual berkenaan dengan komponen dalam sistem pelancongan turut dinyatakan dalam buku tersebut.

Jadual 2.2.1 : Komponen Dalam Sistem Pelancongan.



Sumber : *the economics of tourism destinations*” oleh Vanhove.N (2005)

2.3 PELANCONGAN TERHADAP IMPAK SOSIAL

Pelancongan juga memberi kesan kepada nilai serta gelagat sosial. Istilah sosial adalah merujuk kepada kita manusia sebagai golongan masyarakat yang menetap di sesebuah negara. Masyarakat dibahagikan kepada beberapa status sosial yang berlainan. Ini bermakna, setiap masyarakat mempunyai perbezaan status sosial yang berbeza mengikut taraf hidup masing-masing. Status sosial masyarakat dibahagikan kepada beberapa golongan iaitu golongan yang berada, golongan masyarakat yang miskin dan ada juga diantaranya yang berstatuskan taraf sederhana.

Terdapat beberapa penyelidikan tentang impak pelancongan terhadap status sosial yang telah dijalankan. Affeld (1975), impak pelancongan terhadap kedudukan sosial dan kebudayaan masyarakat tergolong dalam tiga kategori iaitu pelancong, tuan rumah dan saling hubungan pelancong-tuan rumah. Kategori pelancong menjurus kepada penekanan permintaan yang pelbagai terhadap perkhidmatan dan motivasi sikap serta harapan pelancong. Teori ini menjelaskan bahawa permintaan pelancong terhadap penawaran perkhidmatan pelancongan amat dititikberatkan kerana mereka adalah golongan yang amat penting dalam sektor pelancongan. Pelancong juga adalah golongan yang aktif dalam menggunakan produk pelancongan yang ditawarkan oleh agensi-agensi pelancongan.

Kategori yang kedua pula ialah tuan rumah. Tuan rumah adalah bermaksud pemilik sesebuah rumah, kawasan, negeri-negeri, negara-negara tertentu, daerah-daerah dan sebagainya. Dalam konteks pelancongan, penyelidikan yang dinyatakan lebih menumpukan perkhidmatan pelancongan yang ditawarkan kepada pelancong. Perkhidmatan tersebut adalah seperti kemudahan-kemudahan rumah penginapan *homestay*, hotel, aktiviti sepanjang tempoh pelancongan, pengangkutan, pemandu pelancong dan sebagainya. Tambah Affeld lagi, penyelidikan ini juga tertumpu kepada penduduk sesuatu kawasan destinasi, tenaga yang digunakan bagi usaha dalam menyediakan perkhidmatan dan pengurusan pelancongan pada peringkat tempatan.

Seterusnya adalah kategori saling hubungan pelancong-tuan rumah. Kategori ini ialah berkenaan dengan penyelidikan yang lebih tertumpu kepada sifat perhubungan di antara tuan rumah dengan tetamunya. Perhubungan yang terjalin akan menimbulkan sesuatu akibat sama ada dalam bentuk positif mahupun negatif. Teori Affeld ini menjelaskan bahawa sesuatu perhubungan akan terjalin apabila berlakunya sebarang urusan diantara pelancong dan tuan rumah sesuatu kawasan pelancongan. Kesan


perhubungan yang terjalin dapat mengeratkan lagi silaturahmi antara pembekal perkhidmatan pelancongan dengan penggunaanya iaitu pelancong.

Fox (1977) menjelaskan impak pelancongan terhadap kedudukan status sosial dan kebudayaan masyarakat merangkumi perubahan yang dibawa pada sistem nilai, gelagat individu, hubungan kekeluargaan yang meliputi hidup bermasyarakat, kedudukan atau tahap keselamatan, kelakuan moral, ekspresi kreatif, adat istiadat tradisional serta organisasi sesuatu masyarakat. Wolf (1977) yang menyatakan impak sosial dan budaya adalah impak manusia tentang kesan terhadap masyarakat tuan rumah disebabkan oleh perhubungan mereka secara langsung dan tidak langsung kepada pelancong.

Kesimpulannya, selain daripada memberi kesan kepada ekonomi negara, aktiviti pelancongan juga memberi impak kepada sosio-budaya kita. Impak tersebut boleh dilihat dalam dua bentuk positif mahupun negatif dalam kalangan tuan rumah terhadap aktiviti pelancongan seperti yang terdapat pada jadual yang diperolehi daripada buku pelancongan impak ekonomi, fizikal dan sosial oleh Mathieson.A dan Wall.G (1991)

Jadual 2.3.1 : Respon Sikap / Kelakuan Tuan Rumah Terhadap Kegiatan Pelancongan.

(Anak panah menunjukkan kemungkinan perubahan)




(Sumber : Menurut Bjorklund dan Philbrick 1972). Terdapat dalam Butler 1974.

Perkaitan Impak sosio-budaya tersebut boleh dilihat dalam kalangan masyarakat Bidayah daerah Padawan berkenaan dengan pandangan mereka terhadap penubuhan *homestay* yang bertujuan untuk menarik perhatian pelancong untuk berkunjung ke sana. Selain daripada itu, penubuhan *homestay* yang terdapat pada kampung Annah Rais, Benuk dan Belimbing Islam juga adalah untuk tujuan ekonomi.

2.4 JENIS-JENIS TEMPAT PENGINAPAN

Tempat penginapan merupakan keperluan asas yang paling penting dalam aktiviti pelancongan. Keperluan tersebut amat penting khususnya bagi pelancong asing kerana jarak antara tempat asal mereka amat jauh daripada destinasi pelancongan mereka. Menurut Humphreys.C (2012) dan Holloway.C.J (2012), sektor penginapan terdiri daripada bentuk yang berbeza-beza dari kemudahan untuk tujuan tidur dan hospitaliti kemudahan lain yang boleh dikategorikan sebagai sama ada perkhidmatan pembersihan bilik dan katering. Rumah penginapan mahupun hotel merupakan kemudahan yang amat penting dan dan wajib bagi para pelancong. Terdapat juga pakej rumah penginapan yang disertakan sekali dengan pakej percutian yang telah dipilih. Jadual 2.4 ialah satu panduan yang disediakan pada satu pandangan kepada pelbagai tempat penginapan yang pelancong mungkin akan duduki. Jadual tersebut didapati dalam buku “ The Business Of Tourism (2012)” edisi kesembilan.

Jadual 2.4 Jenis-Jenis Tempat Penginapan



Perkampungan di sekitar Padawan mempunyai beberapa tarikan seperti Kampung Annah Rais yang mempunyai kolam *hotspring* yang menyebabkan *homestay* yang terdapat disitu menjadi tarikan pelancong. Selain daripada itu, terdapat juga tarikan-tarikan lain yang menarik perhatian para pengunjung. Swarbrooke (2002), telah mempertimbangkan beberapa cubaan definisi, membahagikan tarikan kepada empat kategori (diubahsuai):

- 1.) Ciri-ciri dalam alam semula jadi.
- 2.) Struktur yang dibina dan tapak yang direka untuk tujuan selain daripada menarik pengunjung.
- 3.) Struktur dan laman yang dibina dan direka untuk menarik pelawat.
- 4.) Acara khas

2.5 RUMUSAN

Ketiga-tiga *homestay* yang menjadi pilihan penyelidik mempunyai tarikan-tarikan tertentu. Seni bina rumah panjang masyarakat Bidayuh yang dipelihara hingga kini adalah bertujuan untuk menarik perhatian pelancong untuk datang berkunjung disamping memberikan kemudahan serta aktiviti-aktiviti yang menarik. Selain daripada itu, warisan budaya masyarakat Bidayuh seperti rumah panjang tradisional serta warisan yang lain akan terus terpelihara.

Kegiatan tersebut telah menyumbang sumber ekonomi terutamanya dalam sektor eko-pelancongan kerana berlakunya pertukaran mata wang asing oleh pelancong-pelancong asing. Hal tersebut menunjukkan bahawa kewujudan rumah-rumah penginapan di Padawan bukan sahaja menawarkan perkhidmatan penginapan, malah juga mendekatkan para pelancong dengan suasana perkampungan yang begitu unik sekali serta aktiviti yang banyak melibatkan kawasan semula jadi kampung.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENGENALAN

Metodologi kajian memainkan peranan yang amat penting kepada penyelidik dalam kajian yang ingin dilakukan. Hal ini disebabkan oleh data-data yang diperlukan perlu dikumpul untuk direkodkan serta dianalisis. Data-data yang diperlukan tersebut haruslah bertepatan dan bersesuaian dengan topik kajian yang dijalankan. Data yang diperlukan tersebut perlu merangkumi lokasi kajian, sumber data, instrumen kajian, populasi, persampelan dan limitasi kajian.

3.1 DATA

Sumber data yang dipilih oleh penyelidik bagi penyelidikan yang akan dilakukan ialah dengan menggunakan kaedah data primer dan data sekunder. Hal ini kerana penyelidik ingin mendapatkan maklumat dari pelbagai sudut serta ingin mendapatkan maklumat yang sahih agar dapat membantu penyelidikan yang akan dilakukan

3.1.1 Kaedah Primer

Kaedah primer ialah kaedah yang merupakan data yang diwujudkan oleh penyelidik. Data yang diwujudkan melalui kaedah soal selidik dan melalui temuramah.

3.1.2 Temuramah

Kaedah kajian yang telah dipilih sebagai satu metodologi kajian oleh pengkaji ialah kaedah temuramah. Terdapat beberapa sebab kaedah ini digunakan adalah seperti berikut :

1. Kaedah kajian ini adalah untuk mendapatkan kesahihan maklumat daripada responden, pandangan, maklum balas dan pendapat daripada pemilik atau pengusaha *homestay* di daerah Padawan yang melibatkan *homestay* Kampung Annah Rais, Benuk, dan Belimbing Islam.
2. Menemu ramah pihak yang berkenaan mengenai keunikan dan tarikan yang terdapat pada *homestay* masing-masing dan jumlah pengunjung yang datang untuk menginap.
3. Mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan usaha yang dilakukan oleh pihak pengusaha *homestay* dalam memastikan *homestay* mereka tetap terpelihara.

4. Penyelidik juga ingin mendapatkan maklumat daripada Kementerian Pelancongan Negeri Sarawak tentang beberapa maklumat berkenaan sumbangan *homestay* terhadap sektor pelancongan.
5. Mendapatkan maklumat dalam bentuk lisan mahupun secara bertulis.

Temuramah ini juga akan dilakukan terhadap beberapa individu dari 3 buah *homestay* yang terdapat di daerah Padawan iaitu:

i. Cik Jenny Anak Dudu

Homestay Kampung Annah Rais,
16/29 Rumah Panjang Rais
Jalan Borneo Heights 94200
Padawan Sarawak

ii. Cr Isabell Julau

Lrg. Sumur Bunuk 2,
Benuk Homestay Centre
Km 34, Jalan Puncak Borneo,
93250 Kuching, Sarawak.

iii. Encik Raie Bin Omar

Homestay Darul Islam Belimbing
Felcra Berhad Kawasan Belimbing,
No. 49, SubLot 38, Lot 777,
Siburan Commercial Centre,
94200 Kuching, Sarawak

3.1.3 Kaedah Sekunder

Kaedah yang seterusnya ialah kaedah sekunder. Kaedah ini boleh didapati dalam bentuk majalah, buku, brosur dan internet. Melalui kaedah ini, penyelidik mendapatkan beberapa naskah majalah dan buku yang berkaitan dengan topik *homestay* di Malaysia terutamanya di Negeri Sarawak. Brosur yang diperolehi bagi mendapatkan maklumat berkenaan dengan *homestay* pula adalah dari *homestay* yang dipilih sebagai tempat kajian.

3.1.4 Kualitatif

Dalam kajian ini, penyelidik akan menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan pemeliharaan *homestay* di daerah Padawan serta sumbangannya terhadap sektor eko-pelancongan Negeri Sarawak. Penyelidik akan menemu bual beberapa responden yang telah dikenalpasti daripada setiap *homestay* yang telah dipilih di daerah Padawan dan beberapa masyarakat kaum Bidayah. Temu bual ini juga akan melibatkan pelancong asing.

3.1.5 Kuantitatif

Kaedah kuantitatif yang akan digunakan oleh penyelidik ialah skala Likert (1932). Skala Likert merupakan skala yang dapat digunakan untuk mengukur pendapat, tanggapan serta sikap seseorang atau responden yang telah dikenalpasti terlibat dalam penyelidikan yang akan dijalankan ini. Skala ini amat penting dalam mendapatkan jawapan berkenaan dengan penyebab sesuatu gejala, fenomena, atau kejadian tertentu. Terdapat dua bentuk bentuk pernyataan iaitu pernyataan positif digunakan untuk mengukur skala positif manakala pernyataan negatif pula adalah sebaliknya.

Jadual 3.1.6 Skala Likert

Pernyataan Positif	Singkatan
Sangat tidak setuju	STS
Tidak setuju	TS
Tidak pasti	TP
Setuju	S
Sangat setuju	SS

Pernyataan Negatif	Singkatan
Sangat setuju	ST
Setuju	S
Tidak pasti	TP
Tidak setuju	TS
Sangat tidak setuju	STS

3.1.7 Bahan Rujukan

Maklumat yang telah diperolehi juga boleh dipelbagaikan dengan menggunakan menggunakan sumber yang lain seperti bahan rujukan. Ia bertujuan untuk melengkapkan lagi maklumat yang telah dikumpul terutamanya yang berkaitan dengan aktiviti serta cara hidup masyarakat Bidayuh. Selain daripada itu, buku-buku yang berkaitan dengan homestay, pelancongan, pemeliharaan juga turut ada digunakan oleh penyelidik. Antara beberapa bahan rujukan yang akan digunakan oleh penyelidik ialah berbentuk bahan bacaan iaitu buku, majalah dan internet. Selain daripada itu, terdapat juga beberapa maklumat yang telah diperolehi daripada Kementerian Pelancongan Negeri Sarawak.

3.2 LOKASI KAJIAN

Lokasi kajian yang dipilih oleh pengkaji ialah di sekitar daerah Padawan iaitu di Kampung Benuk, Kampung Annah Rais, dan Kampung Belimbing Islam. Daerah Padawan terletak di bahagian Kuching. Lokasi yang dipilih tersebut bersesuaian dengan topik yang dibuat kerana kampung tersebut mempunyai *homestay* yang berpotensi untuk menarik perhatian pelancong untuk berkunjung. Secara umumnya, lokasi ini dipilih sebagai kawasan kajian kerana terdapat populasi yang menepati kehendak dan tujuan utama kajian. Selain daripada itu, penggunaannya dalam kajian ini akan dapat menjawab kepada persoalan kajian yang telah diutarakan.

3.3 POPULASI KAJIAN

Populasi yang telah ditetapkan dalam kajian ini ialah terdiri daripada masyarakat Bidayuh sekitar daerah Padawan yang melibatkan 3 buah kampung yang mempunyai perusahaan *homestay*. Masyarakat tersebut merupakan individu yang telah dikenalpasti sebagai pengusaha *homestay*, penduduk kampung dan pelancong yang berkunjung ke ketiga-tiga *homestay* tersebut. Pelancong yang dikenalpasti ialah terdiri daripada pelancong tempatan dan asing.

Populasi kajian juga tidak mengira aspek demografi seperti keturunan, umur, gender, status perkahwinan, pekerjaan dan lain-lain lagi. Disini pengkaji ingin mengkaji cara-cara yang dijalankan dalam menjalankan aktiviti *homestay* masyarakat Bidayuh yang diusahakan agar terus kekal. Selain itu, kajian ini juga akan menyentuh topik berkenaan

dengan sumbangan *homestay* terhadap sektor eko-pelancongan di Negeri Sarawak khususnya. Tambahan pula, pengkaji akan mengumpul maklumat berdasarkan maklumbalas yang diterima daripada masyarakat yang telah disasarkan.

1. PUSAT KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK UNIMAS

Penyelidik telah memilih Pusat Khidmat Maklumat Akademik yang terletak di UNIMAS bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam topik kajian. Pusat tersebut juga tidak jauh dari tempat kediaman penyelidik dan memudahkan lagi urusan mendapatkan sumber rujukan. Penyelidik telah meminjam beberapa buah tesis kajian lepas untuk dijadikan sebagai rujukan serta panduan dalam menyediakan kertas kerja ini.

2. PUSTAKA NEGERI SARAWAK

Pustaka Negeri Sarawak terletak di Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium, Kuching, Sarawak. Selain mendapatkan bahan rujukan berkaitan dengan topik kajian di Pusat Khidmat Kemajuan Akademik (PKMA) UNIMAS, penyelidik juga turut mendapatkan bahan rujukan di pustaka kerana terdapat beberapa maklumat yang tidak terdapat di PKMA.

3.4 INSTRUMEN KAJIAN

Terdapat beberapa alat instrumen yang akan digunakan oleh penyelidik bagi mendapatkan maklumat daripada responden yang telah dikenal pasti. Instrumen tersebut ialah seperti kamera digital Nikon, komputer, telefon bimbit dan perakam suara bagi merakam temuramah yang akan dilakukan bersama pihak responden. Instrumen yang digunakan tersebut amat penting dalam merakamkan segala maklumat yang diperolehi agar kerja-kerja penyelidikan dapat berjalan dengan lancar tanpa wujudnya sebarang masalah.

3.5 PENGUMPULAN DATA

Menurut Mohd Sheffie Abu Bakar dalam buku Metodologi Penyelidikan Edisi Kedua (1991), pemungutan data membincangkan teknik-teknik atau metod-metod bagi mendapatkan bukti untuk menguji hipotesis. Pengumpulan data juga amat penting dalam memberikan jawapan kepada persoalan kajian yang dijalankan. Penyelidik akan menggunakan borang soal selidik sebagai alat ukuran data serta menemu bual responden-responden yang terdiri daripada pengusaha *homestay* dan masyarakat di Padawan.

Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 20.0 juga akan digunakan dalam kajian ini bagi menganalisis segala maklumat yang telah dikumpulkan daripada responden yang terlibat.

3.6 LIMITASI KAJIAN

Limitasi kajian yang utama yang dihadapi oleh penyelidik semasa melakukan penyelidikan ialah kurangnya bahan bacaan seperti buku rujukan yang berkaitan dengan *homestay* dan cara-cara pemeliharannya. Selain daripada itu, buku yang berkenaan dengan aktiviti pemeliharaan juga agak terhad. Hal sebegini sememangnya memberikan cabaran kepada penyelidik dalam mendapatkan bahan rujukan yang berkaitan dan bersesuaian dengan topik kajian yang akan dilakukan.

Seterusnya ialah kajian lepas yang dijadikan sebagai rujukan juga tidak ada yang menyentuh tentang tentang kaedah-kaedah pemeliharaan *homestay* dan kaedah-kaedah pengurusanannya. Kajian yang lepas banyak menyentuh berkaitan dengan bahagian mempromosikan *homestay* sahaja. Hal ini menyebabkan pengkaji terpaksa mencari bahan kajian lepas yang berkaitan dengan topik yang mempunyai persamaan dengan topik pengkaji di perpustakaan luar kampus. Selain daripada itu, pengkaji juga mempunyai masalah dengan jadual untuk menemu ramah pihak yang berkenaan seperti pengusaha ketiga-tiga *homestay* di daerah Padawan kerana pihak pengusaha amat sibuk dan sukar hendak membuat temuramah.

Pengkaji menghadapi masalah berkenaan dengan lokasi kajian yang jauh jaraknya dari kediaman pengkaji. Masalah tersebut dihadapi kerana kos pengangkutan seperti minyak serta perjalanan ke *homestay* di 3 buah kampung di Padawan yang jauh, iaitu mengambil masa selama 2 jam untuk tiba di sana. Selain daripada itu, pengkaji juga mempunyai jadual kelas yang agak padat. Akhir sekali, pengkaji juga menghadapi masalah kakitangan yang lain yang telah dikenalpasti untuk ditemuramah juga mempunyai komitmen yang lain. Hal ini sememangnya agak membimbangkan pengkaji dan secara langsung mahupun secara tidak langsung, perkara tersebut boleh menjejaskan kelancaran kajian yang ingin dijalankan.